

VCD, DVD haram bernilai RM500,000 dirampas

KPDNKK turut ambil mesin cetak, 60,000 video pelbagai judul

Foto: Ihsan Kwong Wah Yit Poh

NORHASPIDA YATIM


SHAH ALAM - Lebih 60,000 cakera padat video (VCD) dan cakera video digital (DVD) haram filem dan drama pelbagai judul bernilai kira-kira RM500,000 dirampas dalam serbuan di sebuah rumah teres dua tingkat di Putra Heights, Seksyen 10, Jalan 10/2B di sini, malam kelmarin.

Serbuan kira-kira jam 9 malam itu dilakukan lapan pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Putrajaya hasil maklumat orang awam.

Difahamkan, premis terbabit terletak di kawasan tersorok dan dijadikan stor simpanan termasuk tempat untuk mencetak dan membungkus semua VCD dan DVD yang dihasilkan.

Penolong Pengarah Penguat Kuasa KPDNKK, Firdus Zakaria berkata, anggota sindiket berkenaan dipercayai terlebih dahulu merancang berpindah ke tempat lain setelah mengetahui lokasi haram mereka akan diserbu.

"Ketika pihak berkuasa sampai ke lokasi, suspek meninggalkan rumah dalam keadaan tidak ber kunci dan pintu hadapan



● Sebahagian daripada VCD dan DVD haram yang dirampas KPDNKK dalam serbuan di sebuah rumah teres dua tingkat di Putra Heights, Shah Alam, malam kelmarin.

terbuka," katanya, semalam.

Menurutnya, KPDNKK merampas sebuah mesin cetak yang dikatakan mampu memproses kira-kira 3,600 keping VCD dan DVD dalam tempoh satu jam.

"Kita (KPDNKK) percaya terdapat enam mesin cetak yang digunakan oleh suspek untuk menghasilkan VCD dan DVD haram, namun lima daripadanya kita percaya telah dilarikan suspek.

"Selain mesin pencetak,

kita turut merampas pelbagai alat pembungkusan seperti plastik dan bekas DVD serta VCD yang dihasilkan. Selain itu, siasatan mendapati harga pasaran bagi sekeping DVD atau VCD yang dihasilkan ialah RM8," katanya.

Katanya, VCD dan DVD pelbagai judul yang dirampas kebanyakannya terdiri daripada filem dan drama Taiwan serta Hong Kong.

Beliau berkata, pihaknya sedang menjalankan siasatan bagi mengenal

pasti dari mana suspek memperoleh salinan asal filem dan drama yang dicetak rompak.

Firdus berkata, pihaknya akan mengambil keterangan pemilik rumah berkenaan bagi membantu siasatan termasuk mengesan semua suspek yang melarikan diri.

Menurutnya, siasatan dijalankan di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan jika sabit kesalahan akan dikenakan denda RM20,000 bagi setiap cetakan yang dihasilkan.